

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kedudukan Biasiswa oleh JPA untuk tahun 2016 :-**

- a) adakah Kementerian telah membuat keputusan untuk menghentikan bayaran Biasiswa kepada pelajar cemerlang ke Luar Negeri mulai tahun 2016; dan
- b) apakah akan kedudukan pelajar yang masuk tahun kedua dan ketiga yang sedang dalam pengajian.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tetap meneruskan penajaan kepada pelajar cemerlang. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, penajaan JPA kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015 yang berminat untuk mengikuti pengajian di luar negara tetap dibuka seperti di bawah Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kedudukan pelajar bertanggung sedia ada tidak terjejas. Ini bermaksud pelajar tajaan JPA sama ada pelajar tahun 1,2,3 atau 4 pengajian akan terus ditaja mengikuti pengajian sebagaimana tawaran asal yang telah dipersetujui oleh pelajar dan Kerajaan melalui Perjanjian Biasiswa Persekutuan yang telah ditandatangani.

Sekian, terima kasih.